



SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

LIVE, LAUGH, LUNGS
PEMACU USAHA KE ARAH KESIHATAN PARU-PARU

Petaling Jaya, 6 September 2025

YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan Malaysia, hari ini merasmikan Pelancaran **Kempen *Live, Laugh, Lungs*** sempena sambutan **Hari Paru-Paru Sedunia** Peringkat Kebangsaan bertempat di Pusat Beli-Belah 1 Utama, Petaling Jaya.

Beban penyakit paru - paru di Malaysia meliputi penyakit berjangkit dan penyakit tidak berjangkit. Ini termasuk kanser paru - paru, *Chronic Obstructive Pulmonary Disease* (COPD), asma dan jangkitan saluran pernafasan seperti pneumonia, tuberkulosis, COVID-19 dan influenza. Tuberkulosis masih merupakan salah satu penyakit dengan beban yang tinggi di Malaysia iaitu sebanyak 26,183 kes baharu dilaporkan pada tahun 2024. Hampir setengah juta kanak-kanak berusia 6 hingga 17 tahun di Malaysia menghidap asma dan lebih daripada 1.4 juta orang dewasa telah didiagnosis dengan asma. Kanser paru-paru pula merupakan kanser kedua paling utama dalam kalangan lelaki dan ketiga dalam kalangan wanita serta merupakan antara tiga kanser paling utama di Malaysia.

Hari Paru-Paru Sedunia disambut setiap tahun pada bulan September sebagai **suatu bentuk gesaan peringkat global** untuk bersatu dalam meningkatkan kesihatan paru - paru melalui aktiviti pencegahan, saringan, memastikan akses kepada rawatan yang saksama serta menjalankan penyelidikan berkaitan kesihatan paru - paru. Pada tahun ini, Hari Paru-paru Sedunia disambut dengan tema ***Healthy Lungs, Healthy Lives*** yang menekankan kepentingan penjagaan kesihatan paru-paru sejajar dengan usaha Malaysia melalui **Resolusi Kesihatan Paru-Paru** hasil inisiatif negara yang telah dibentangkan dan diluluskan pada **Persidangan Kesihatan Sedunia (WHA) 2025** Julai yang lalu.

Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM) dengan kerjasama Kenvue Malaysia juga Watsons Malaysia serta disokong oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menganjurkan **Kempen *Live, Laugh, Lungs*** sempena Hari Paru - Paru Sedunia sebagai satu usaha untuk memacu kesedaran berkaitan kesihatan paru-paru di seluruh negara. Kempen ini berlangsung selama **lima**

(5) hari bermula 3 hingga 7 September 2025 di Pusat Beli-belah 1 Utama, Petaling Jaya dengan penganjuran aktiviti seperti:

1. **Zon Kesihatan Paru-Paru:** menawarkan saringan kesihatan paru-paru dan perkhidmatan berhenti merokok; dan
2. **Zon Pendidikan Interaktif:** menyediakan aktiviti bersama keluarga seperti *Knock Out Smoking*, *Laughing Machine* dan dinding ikrar awam.

Kempen ini turut menekankan kepentingan **Terapi Penggantian Nikotin (Nicotine Replacement Therapy: NRT)** sebagai kaedah yang terbukti berkesan membantu perokok berhenti merokok. NRT merupakan salah satu intervensi utama dalam program berhenti merokok kebangsaan dan kini boleh didapati secara **terus di kaunter (Over the Counter, OTC)**. Berdasarkan Laporan *Advancing Smoking Cessation in ASEAN: The Role of Nicotine Replacement Therapy 2025* oleh Social and Economic Research Initiative (SERI), penggunaan NRT meningkat sebanyak 77% selepas ia ditawarkan secara OTC, sekali gus memudahkan akses dan meningkatkan peluang kejayaan perokok untuk berhenti merokok.

Selaras dengan komitmen kerajaan untuk memperluaskan akses kepada bantuan berhenti merokok, Watsons Malaysia turut meningkatkan ketersediaan produk NRT di semua rangkaian kedai Watsons seluruh negara menjelang akhir tahun 2025.

Sambutan Hari Paru - Paru Sedunia turut menyokong usaha KKM dalam memperkukuhkan kesihatan paru - paru melalui Inisiatif Kesihatan Paru-Paru Kebangsaan. Kerjasama strategik antara KKM, sektor swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) diwujudkan bagi menggabungkan kekuatan semua sektor, meningkatkan mobilisasi sumber, inovasi, pembangunan polisi dan kapasiti dalam mewujudkan intervensi kesihatan yang mapan dan berkesan demi memastikan kesejahteraan individu dan komuniti seterusnya mencipta persekitaran yang sihat untuk paru - paru rakyat Malaysia. Ini selaras dengan Nilai MADANI - *Kemampanan dan Kesejahteraan*.

- TAMAT -

**Dikeluarkan oleh:
Kementerian Kesihatan Malaysia**

